

PROSEDUR PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENAJAAN AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN

1. Pengenalan

Prosedur ini bertujuan untuk memudahkan permohonan penganjur/ wakil/ pemilik aktiviti/ program berkaitan kesenian, kebudayaan dan warisan untuk mendapatkan Surat Sokongan Penganjuran dan seterusnya Surat Kebenaran Kelulusan Potongan Cukai di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

2. Senarai Bidang Tajaan dan Senarai Aktiviti/ Program Yang Dipertimbangkan

Senarai bidang penajaan di bawah kesenian, kebudayaan dan warisan meliputi bidang utama seperti berikut:

- a) Muzik dan Teater;
- b) Tarian;
- c) Kraftangan;
- d) Seni Visual;
- e) Perfileman;
- f) Penulisan;
- g) Pengiklanan;
- h) Busana dan Tekstil;
- i) Peragaan;
- j) Seni Mempertahankan Diri; dan
- k) Warisan

Senarai aktiviti/ program di bawah bidang kesenian, kebudayaan dan warisan yang telah dikenalpasti layak untuk potongan cukai adalah seperti berikut:

- a) Persembahan Pentas;
- b) Penganjuran Festival/ Pesta;
- c) Pameran/ Ekspo;
- d) Persidangan/ Seminar/ Bengkel/ Simposium/ Wacana;
- e) Pemeliharaan/ Pemuliharaan;
- f) Penyelidikan/ Pendokumentasian/ Percetakan;
- g) Rakaman/ Penggambaran;

- h) Pertandingan;
- i) Penghargaan/ Pengiktirafan/ Apresiasi;
- j) Pendidikan/ Pembelajaran;
- k) Penggalakan/ Pengembangan;
- l) Pemasaran/ Promosi Produk-Produk/ Aktiviti;
- m) Pembangunan/ Inovasi;
- n) Pembangunan Kandungan;
- o) Penyimpanan/ Pewujudan Rekod/ Data; dan,
- p) Lain-lain aktiviti/ program Kesenian, Kebudayaan dan Warisan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

3. Kriteria Penajaan

Kriteria penajaan kesenian, kebudayaan dan warisan di dalam dan luar negeri yang diambilkira untuk potongan cukai meliputi;

- a) Pemberian Tunai;
- b) Bayaran Artis/ Ikhtisas;
- c) Pembelian Barangan/ Peralatan;
- d) Pembayaran Kos Penganjuran Aktiviti seperti Kos Makan Minum, Logistik, Penginapan, Sewaan Tapak, Teknikal atau Sistem Bunyi dan Penataan Cahaya, Sewaan Khemah, Hiasan, Keselamatan, Peralatan dan Utiliti;
- e) Penajaan Kos Dalam Bentuk Tunai atau *In Kind* bagi Menjayakan Sesebuah Produksi (Produk) yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- f) Hadiah;
- g) Sumbangan Berbentuk *In Kind* Seperti Peralatan/ Kelengkapan/ Tempat;
- h) Penajaan Kos Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan;
- i) Sumbangan Material Seperti Bangunan Bersejarah, Monumen dan Artifak;
- j) Penajaan Penyelidikan dan Pembangunan Aktiviti dan Program;
- k) Penajaan Kos Pemasaran dan Promosi Aktiviti/ Program; dan,
- l) Lain-lain bentuk penajaan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

4. Keutamaan Penajaan

Keutamaan akan diberikan bagi penajaan aktiviti/ program kesenian, kebudayaan dan warisan anjuran bersama Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

Namun demikian, aktiviti/ program anjuran pihak swasta/ Badan Bukan Kerajaan (BBK)/ persatuan juga akan dipertimbangkan sekiranya memberi manfaat kepada perkembangan kesenian, kebudayaan dan warisan Malaysia.

5. Permohonan Surat Sokongan Penganjuran Aktiviti/ Program

Kelulusan potongan cukai hanya akan diberi kepada aktiviti/ program yang mendapat kebenaran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Bagi tujuan ini, sebelum mendapatkan penajaan, pihak penganjur/ wakil/ pemilik bagi aktiviti/ program kesenian, kebudayaan dan warisan perlu mengemukakan permohonan awal kepada kementerian untuk sokongan pelaksanaan aktiviti/ program dengan menyertakan maklumat dan keterangan aktiviti.

Surat Sokongan Penganjuran ini bukanlah kebenaran kelulusan untuk potongan cukai kerana pihak penganjur/ wakil/ pemilik perlu mengemukakan permohonan Surat Kebenaran Kelulusan Potongan Cukai beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan kepada kementerian setelah aktiviti/ program berlangsung.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan mengeluarkan Surat Sokongan Penganjuran dengan meneliti cadangan aktiviti/ program oleh pihak penganjur/ wakil/ pemilik yang meliputi perkara berikut:

- a) Keterangan aktiviti/ program adalah berkaitan kesenian, kebudayaan dan warisan Malaysia;
- b) Kandungan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama;
- c) Aktiviti/ program mempunyai nilai yang boleh memartabatkan kesenian, kebudayaan dan warisan Malaysia;
- d) Tapak atau lokasi aktiviti/ program yang mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan; dan
- e) Variasi/ komposisi penglibatan pelbagai kaum atau lapisan masyarakat (jika aktiviti/ program yang berbentuk umum).

Bagi mendapatkan Surat Sokongan Penganjuran aktiviti/ program tersebut, pihak penganjur/ wakil/ pemilik dikehendaki mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan yang lengkap dengan dokumen berikut:

- a) **Borang DK/1-SSP;**

- b) Kertas Kerja Cadangan Aktiviti/ Program; dan,
- c) Dokumen sokongan yang berkaitan (sekiranya perlu).

6. Pemohonan Surat Kelulusan Kebenaran Potongan Cukai

Selepas pelaksanaan aktiviti/ program pihak penganjur/ wakil/ pemilik perlu mendapatkan Surat Kebenaran Kelulusan Potongan Cukai dengan mengemukakan permohonan selewat-lewatnya 90 hari selepas tarikh pelaksanaan yang lengkap dengan dokumen berikut:

- a) **Borang DK/2-SPC;**
- b) Salinan perjanjian penajaan yang menyatakan bentuk dan jumlah penajaan;
- c) Dokumen sokongan seperti resit pembelian/ bayaran, resit terimaan (bagi sumbangan wang tunai);
- d) Salinan Surat Sokongan Penganjuran aktiviti/ program daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- e) Buku program; dan,
- f) Dokumen-dokumen berkaitan (sekiranya perlu).

7. Tatacara Permohonan

- a) Permohonan yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada :

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Bahagian Dasar Kebudayaan
Aras 4, Menara 1
No. 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
(u.p.: Puan Haniah binti Hassan)

- b) **Borang DK/1-SSP** dan **Borang DK/2-SPC** hendaklah bertaip.
- c) **Borang DK/1-SSP** dan **Borang DK/2-SPC** adalah percuma dan tidak melibatkan apa-apa kos pendaftaran.
- d) Kegagalan mengemukakan dokumen lengkap berdasarkan senarai semak boleh menyebabkan permohonan ditolak.

- e) Surat Sokongan Penganjuran dan Surat Kelulusan Kebenaran Potongan Cukai daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia hanya akan dikemukakan kepada penganjur/ wakil/ pemilik dan turut disalinkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) setelah pihak Kementerian berpuas hati dengan permohonan penganjur/ wakil/ pemilik.
- f) Kelulusan potongan cukai adalah muktamad tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Disediakan oleh:

Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
9 Mac 2017

